

**PUSAT SUMBER  
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011163

**PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BAS AWAM  
PULAU LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN**

**SITI SOLEHAH BINTI JAMIL**

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan  
untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

## ABSTRAK

Pengangkutan awam dilihat sebagai satu medium sokongan untuk menggerakkan aktiviti manusia selain penggunaan pengangkutan persendirian. Peningkatan penggunaan kenderaan persendirian ini membimbangkan semua pihak terutamanya pihak kerajaan dan fenomena ini memaksa kerajaan untuk mengubah pendekatan yang digunakan di dalam setiap Rancangan Tempatan bagi setiap daerah. Pulau Langkawi berhadapan dengan masalah corak taburan guna tanah dan trafik yang berbeza antara kepentingan penduduk dan pelancong. Selain itu, penggunaan pengangkutan persendirian yang tinggi di kalangan penduduk menjadi isu penting kerana tiada alternatif dalam pemilihan pengangkutan awam iaitu hanya teksi sahaja. Pemilihan pakej dan agensi pelancongan berbanding pengangkutan teksi awam oleh pelancong yang datang ini juga membimbangkan pihak bertanggungjawab. Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2001-2015 ingin mencapai 70 peratus penggunaan pengangkutan awam dan 30 peratus pengangkutan persendirian dan ini merupakan perbezaan yang sangat ketara. Justeru itu, objektif kajian merangkumi kajian corak taburan guna tanah dan trafik di pulau pelancongan, mengenal pasti tahap keperluan pelancong dan penduduk terhadap pengangkutan bas awam di kawasan kajian serta mengemukakan cadangan sistem dan pengurusan pengangkutan bas awam di Pulau Langkawi. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pelancong antarabangsa dan tempatan serta penduduk setempat dengan menggunakan kaedah *non probability sampling*. Hasil kajian menunjukkan keputusan yang positif yang mana sebanyak 86 peratus pelancong antarabangsa dan 84 peratus daripada pelancong tempatan bersetuju yang Pulau Langkawi memerlukan pengangkutan bas awam. Begitu juga dengan penduduk setempat iaitu sebanyak 73 peratus bersetuju jika disediakan bas awam kepada mereka. Selain itu, taburan corak guna tanah dan trafik di Pulau Langkawi adalah bersifat tertumpu dan aktiviti pelancongannya bersifat berselerak. Kesan daripada corak taburan guna tanah dan trafik ini telah menunjukkan bahawa pelaksanaan bas awam perlu dilaksanakan walaupun harus mempertimbangkan jarak antara setiap aktiviti pelancongan di Pulau Langkawi kerana ia merupakan nadi kepada pembangunan di kawasan kajian. Cadangan pelan pengangkutan bas awam, sistem perkhidmatan dan pengurusan bas awam telah dibincangkan untuk memastikan ia dilaksanakan dengan sebaik mungkin.



## **ABSTRACT**

Public transport is seen as a supporting medium for mobilizing human activities other than private vehicles ownership. The increasing numbers of private vehicles ownership are worrying all parties; especially government and this phenomenon force the governments to change their approach in the Local Plan. Langkawi Island is facing the problem of distribution pattern of land use and traffic between residents and tourists. In addition, the high usage of private vehicles among residences has becomes an important issue because they were given no alternative or choices in public transport; which they only had taxi. The selection of packages and travel agencies rather than the public taxi by tourists were also worried the responsible parties. Langkawi District Local Plan 2001-2015 aim to achieve 70 percent of public transportation usage and 30 percent of private vehicle which shown a high differences. Hence, the objectives of the study are; to review the distribution pattern of land use and traffic on the island, to identify the level of demand by tourists and residents that needed public bus transportation, and propose a public bus transportation management system in Langkawi Island. Respondents involved in this study are local residents and international tourists using the non probability sampling. Findings indicated positive response which 86 percent of international travellers and 84 percent of local tourists agree that Langkawi Island needed public buses as one of the main public transportation. Similarly, 73 percent of local residences agreed that public bus services should be available to them as one of the main public transportation mode. Apart from that, the distribution pattern of land use and traffic is concentrated and dispersed for tourism activities. The effect of the distribution pattern of land use and traffic showed there should be the implementation of public busses, considering the distance between each tourism activities because it is the core development in Langkawi Island. A proposal of public bus transportation plan and public bus management system were discussed to ensure it can be implemented in the best possible way.